

15 OCT 1999

WEF-SIDANG

SIDANG KEMUNCAK ASIA TIMUR PERKATA ARAH ASIA PASCA KRISIS

Oleh: Tham Choy Lin & Mohamed Kamel Othman

SINGAPURA, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Thailand, yang menerima pakai cara yang bertentangan bagi mengatasi krisis kewangan Asia, akan bertukar-tukar pengalaman di Sidang Kemuncak Asia Timur di sini minggu depan yang akan memperkatakan arah haluan Asia pasca krisis.

Kedua-dua negara akan diwakili perdana menteri masing-masing yang dijadualkan membentangkan ucap utama pada Isnin bagi memulakan sidang kemuncak tiga hari yang dianjurkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang berpengkalan di Geneva.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memilih kawalan modal yang menerima kritikan antarabangsa, akan bercakap mengenai pemulihan Malaysia dan cabaran pragmatisme dalam menangani krisis.

Rakan sejawat beliau dari Thailand, Chuan Leekpai, di mana negaranya berpaling kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), akan menumpukan ucapannya mengenai bagaimana negaranya keluar dari krisis dan rancangan masa depannya.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Menteri Kanan Lee Kuan Yew juga akan berucap di persidangan itu yang akan dihadiri oleh tokoh-tokoh dari pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pengarah Urusan IMF Stanley Fisher dan Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) Donald Johnston.

Pengarah Urusan WEF Claude Smadja berkata sidang itu menunggu-nunggu apa yang akan diperkatakan oleh Dr Mahathir, bukan sahaja mengenai masa depan Malaysia tetapi juga Asia yang telah keluar dari krisis.

"Kami menunggu-nunggu sumbangan Dr Mahathir, kini setelah krisis berlalu dan kestabilan dan pemulihan dirasai.

"Perdana Menteri Malaysia sentiasa mempunyai pandangan yang bersemangat, kadang-kala pendapat yang mencetuskan kontroversi, tetapi ia adalah penting kerana ia merupakan sebahagian daripada perdebatan mengenai masa depan rantau ini," katanya.

Smadja menyatakan harapannya agar persidangan ini akan menghantar berita bahawa "Asia telah kembali" dan menolak keraguan mengenai pemulihannya kerana terdapat pendapat bahawa pemulihan yang agak pantas akan menyebabkan kelekaan.

Sambil mencemuh kritikan sebegini, beliau berkata pemulihan harus diterima dalam pespektif dan sidang itu akan memberi ruang kepada beberapa sesi mengenai penyusunan semula kewangan dan korporat dan juga pentadbiran yang baik agar para peserta akan lebih faham.

Perbincangan juga akan memberi tumpuan kepada usaha mempererat Eropah dan Asia kerana "masih ada ketidak seimbangan" dalam perkongsian berbanding hubungan politik dan ekonomi Asia dengan Amerika Syarikat, kata Smadja.

Untuk pertama kalinya, sidang kemuncak itu akan membincangkan keselamatan dan kestabilan rantau ini.

-- BERNAMA

TCL/MKO JR